

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN LISAN DEWAN RAKYAT  
MESYUARAT KEDUA, PENGGAL KEDUA  
PARLIMEN KEEMPAT BELAS**

**PERTANYAAN : LISAN  
DARIPADA : TUAN YAMANI HAFEZ BIN MUSA  
[SIPITANG]  
TARIKH : 4 JULAI 2019**

**SOALAN NO. 22**

Minta **PERDANA MENTERI** menyatakan sejauh mana perkembangan kajian mengenai persempadanan kawasan pilihan raya oleh pihak Suruhanjaya Pilihan Raya (SPR) untuk menambah bilangan kerusi Parlimen.

**JAWAPAN:**

Yang di-Pertua,

Sepertimana Ahli-Ahli Yang Berhormat sedia maklum, urusan Kajian Semula Persempadanan bagi Negeri-Negeri Tanah Melayu telah selesai dijalankan pada tahun 2018 manakala bagi Negeri Sarawak dan Sabah pula adalah pada tahun 2015 dan 2017 masing-masing.

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, Perkara 113 Perlembagaan Persekutuan memperuntukkan bahawa kajian semula persempadanan hanya boleh dilaksanakan melalui dua kaedah iaitu, pertama melalui pindaan undang-undang ke atas komposisi bilangan keanggotaan Ahli Dewan Rakyat atau Ahli Dewan Undangan Negeri. Manakala, kaedah yang kedua pula adalah apabila tamat lat tempoh sekurang-kurangnya 8 tahun daripada tarikh siap kajian semula persempadanan sebelumnya. Dalam hal ini, lat tempoh 8 tahun bagi Kajian Semula Persempadanan bagi Negeri Sarawak akan berakhir pada tahun 2023, Negeri Sabah pada tahun 2025 manakala Negeri-Negeri Tanah Melayu pula pada tahun 2026.

Oleh yang demikian, sekiranya kajian semula persempadanan hendak dilaksanakan, Kerajaan perlu meminda peruntukan Perkara 113 Perlembagaan Persekutuan berkaitan dengan lat tempoh minimum suatu kajian semula persempadanan atau meminda peruntukan Perkara 46 Perlembagaan Persekutuan berkaitan komposisi Ahli Dewan Rakyat. Kedua-dua pindaan undang-undang ini perlu mendapat persetujuan 2/3 daripada jumlah Ahli Dewan Rakyat. Oleh itu, pihak Kerajaan akan meneliti opsyen yang terbaik berhubung perkara ini.

Sekian, terima kasih.